

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : 18.5.2015**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 boleh mempertingkatkan standard pendidikan nasional terutama dalam menangani kebimbangan awam sebagaimana yang digambarkan oleh Bank Dunia "kemerunduman mutu pendidikan Malaysia lebih mengusarkan daripada kenaikan paras hutang isi rumahnya".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa kualiti pendidikan negara perlu dipertingkatkan sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2015) telah dibangunkan hasil daripada penilaian menyeluruh terhadap sistem pendidikan negara dengan mengambil kira input daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti pandangan awam, pendapat pakar-pakar pendidikan dalam dan luar negara. PPPM telah dilaksanakan dengan objektif yang jelas untuk meningkatkan keberhasilan murid melalui transformasi sistem pendidikan. Lima (5) aspirasi sistem dan 6 (enam) aspirasi murid yang terdapat dalam PPPM

diharap dapat mengangkat kualiti sistem pendidikan Malaysia untuk berada dalam kalangan satu pertiga terbaik dunia menjelang 2025 berdasarkan pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kejayaan membanggakan pada gelombang pertama PPPM telah dicapai. Di antara pencapaian PPPM ialah hampir 100% murid-murid tahap satu (1) telah menguasai literasi dan numerasi, hampir 80% murid Tahun Dua (2) pula telah menguasai Bahasa Inggeris. Pada masa yang sama, 100% (2259)ambilan Guru Pelatih IPGM Jun 2014 memenuhi syarat 5A ke atas dalam SPM sejajar dengan dasar baharu pengambilan calon guru dari kalangan 30% terbaik SPM di samping melepasi saringan kelayakan yang ditetapkan.

Pada tahun 2014, sebanyak 31.03% sekolah berada dalam Band 1 dan Band 2, meningkat daripada sebanyak 28.99 % sekolah pada tahun 2013. Manakala jumlah sekolah yang berada dalam Band 6 dan Band 7 menunjukkan pengurangan daripada 1.78% kepada 1.39%. Di samping itu, pelaksanaan secara berterusan inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan lain-lain inisiatif PPPM turut memberi impak dan meningkatkan standard pendidikan negara.

Dari sudut akses kepada pendidikan tinggi, Malaysia telah mencapai kadar enrolmen pendidikan tinggi 48% pada tahun 2012. Ini merupakan peningkatan 70% enrolmen dalam tempoh satu dekad, mencecah 1.2 juta pelajar IPT awam dan swasta. Dalam tempoh 1990 hingga 2010, enrolmen sarjana muda telah meningkat enam kali ganda dan sepuluh kali ganda untuk enrolmen sarjana dan PhD. Peningkatan ini

meletakkan Malaysia pada kedudukan ketiga dalam kalangan negara ASEAN selepas Singapura dan Thailand.

Dari sudut keberhasilan dan kualiti penyelidikan, bilangan artikel penyelidikan yang dihasilkan di Malaysia telah meningkat lebih tiga kali ganda antara 2007 hingga 2012. Ini merupakan kadar peningkatan paling tinggi di dunia, sementara bilangan sitasi pula bertambah empat kali ganda antara 2005 hingga 2012 di mana *Universiti Penyelidikan (RU)* menyumbang 70% penerbitan. Selain itu, antara 2007 hingga 2012, bilangan paten yang difailkan meningkat 11% setiap tahun dan menjana pendapatan sebanyak RM1.25 bilion menerusi perkhidmatan penyelidikan dan perundingan.

RJM06